

03 NOV 2003

Mahathir-Pujian/I

DR MAHATHIR TERUS TERIMA PUJIAN DARIPADA MEDIA INDIA

Oleh: Mahesh Prasad

NEW DELHI, 3 Nov (Bernama) -- Bagi hari keempat berturut-turut dan tiga hari selepas Tun Dr Mahathir Mohamad menyerahkan tampuk pemerintahan kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, bekas Perdana Menteri itu terus menerima pujian daripada media India.

Akhbar perniagaan utama, Economic Times, dalam satu artikel yang ditulis oleh Wan Gungwu berkata "Mahathir, merupakan tokoh permodenan Asia yang terkemuka".

Selepas mengatasi syak wasangka antara kaum dan tradisi yang menjadi penghalang, Dr Mahathir berjaya membawa negara ke arena perindustrian pesat.

Buat permulaan, kata penulis, "cita-cita beliau ialah untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah model ekonomi bagi negara-negara membangun tetapi ia mendedahkan beliau kepada cemuhan dan juga rasa kagum.

"Ramai yang berpendapat beliau sangat jauh ke hadapan, dan terlalu cepat; yang beliau mengharapakan terlalu banyak daripada orang Melayu apabila meminta mereka mengubah budaya kampung ke ke budaya korporat dalam satu generasi sahaja.

"Tetapi beliau berazam untuk mengubah orang Melayu dan berjaya dalam mewujudkan kelas pertengahan di bandar - walaupun bilangannya kecil."

Dr Mahathir, kata Wan Gungwu dalam artikel tiga ruangan bertajuk "The man, who made Malaysia" nampaknya "menerima ilham daripada kejayaan jirannya Singapura, yang sebelum itu adalah sebahagian daripada Malaysia, yang maju cepat ke arah status dunia pertama." Artikel itu turut membawa karikatur Dr Mahathir.

Penulis itu dalam kesimpulannya berkata "Pendekatan untuk menyaingi Singapura dapat dilihat daripada kebimbangan yang beliau nyatakan dalam bukunya, The Malay Dilemma.

"Matlamatnya ialah untuk mewujudkan sebuah negara dengan Orang Melayu sentiasa mengetuai bukan-Melayu dalam membentuk masa depan negara. Itu, mungkin kesinambungan terbaik di Malaysia walaupun berlaku pertukaran pemerintah," kata Wan Gungwu.

-- BERNAMA

MP AHH PR